

# Sekolah minyak, gas dibina

» UMSKAL  
laksana  
inisiatif lahir  
tenaga mahir  
sektor O&G

BH 31.7.13 4

Oleh Azri Onn Othman  
bhnews@mediaprima.com.my

■ Labuan

**U**niversiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mempunyai sebuah sekolah dalam bidang minyak dan gas (O&G) tidak lama lagi.

Sekolah itu yang akan menuhi keperluan tenaga mahir dalam bidang berkenaan, akan dibangunkan di tapak tanah seluas 28 hektar milik UMSKAL di Tanjung Kiansam dekat sini.

Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli, berkata UMSKAL kini menunggu peruntukan Kerajaan Pusat dan Kementerian Pendidikan sebelum pembinaan sekolah berkenaan dimulakan.

Katanya, pembinaan sekolah dalam bidang minyak dan gas tepat pada masanya, sejajar dengan kepesatan sektor berkenaan di pulau ini.

“Penubuhan program ter-



Rozman (kanan) bersama pengurusan kanan Perbadanan Labuan yang menghadiri **mesyuarat pertama di Wisma Perbadanan Labuan.**

[FOTO AZRI ONN/BH]

abbit bersesuaian dengan kewujudan syarikat minyak dan gas termasuk PETRONAS dan Asian Supply Base (ASB) serta syarikat luar pesisir yang berkaitan.

## Mudah jalani latihan

“Selain itu, pelajar yang mengambil jurusan berkenaan akan lebih mudah menjalani latihan praktikal sekali gus menjimatkan kos kerajaan yang sebelum ini terpaksa

menghantar mereka menjalani latihan industri di luar Labuan.

## Tawar banyak peluang

“Kita hanya menunggu masa sesuai sebelum membuka program berkaitan minyak dan gas sekali gus menyediakan lebih banyak peluang kerja kepada warga tempatan berkemahiran tinggi,” katanya selepas perjumpaan dengan pegawai kanan Perba-

danan Labuan di Wisma Perbadanan Labuan, semalam.

Rozman dilantik sebagai Pengurus Perbadanan Labuan yang baru menggantikan Datuk Yussof Mahal untuk tempoh dua tahun bermula 1 Julai lalu.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Zainal Abidin Abdullah serta dua timbalannya, Siti Maznah Awang Damit dan Rithuan Mohd Ismail.